



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

PROGRAM ADVOKASI PERLINDUNGAN KANAK-KANAK: KASIH KANAK-KANAK PERINGKAT NEGERI PERLIS TAHUN 2024

KANGAR, 28 OKTOBER – YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini, telah menyempurnakan Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: KASIH Kanak-Kanak Peringkat Negeri Perlis Tahun 2024 yang telah berlangsung di Sekolah Menengah Kebangsaan Abi, Kangar, Perlis.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) terus komited dalam usaha menangani isu penderaan dan pengabaian terhadap kanak-kanak. Hal ini kerana, kanak-kanak merupakan aset penting yang bakal mencorak masa hadapan negara. Berdasarkan statistik JKM, bilangan kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan meningkat secara drastik pada tahun 2023 kepada 8,041 orang berbanding 6,770 orang pada tahun 2022 dan 6,144 orang pada tahun 2021. Manakala di negeri Perlis sebanyak 65 kes pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak dicatatkan sehingga Ogos 2024.

Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: KASIH Kanak-Kanak adalah inisiatif KPWKM yang bertujuan untuk menangani dan mencegah kes penderaan serta pengabaian kanak-kanak, termasuk kes-kes yang membawa kepada kematian. Program ini melibatkan ceramah dan pameran agensi yang memberi pendedahan serta maklumat penting kepada masyarakat dan kanak-kanak, khususnya mengenai langkah-langkah yang perlu diambil jika terdedah kepada penderaan.

Program advokasi ini akan dilaksanakan di 300 buah sekolah di seluruh Malaysia sepanjang tahun 2024 dan dijangka memanfaatkan 150 ribu kanak-kanak. Sehingga 25 Oktober 2024, sebanyak 288 buah sekolah telah melaksanakan program advokasi ini serta memberi manfaat kepada 140, 421 kanak-kanak.

Melalui program advokasi ini, KPWKM turut menyeru kepada orang ramai untuk memanfaatkan Talian Kasih 15999 yang beroperasi 24 jam setiap hari tanpa henti untuk sebarang kes penderaan atau pengabaian yang melibatkan anggota masyarakat khususnya kanak-kanak. Masyarakat juga boleh membuat aduan menerusi Whatsapp 019-2615999 dan mobil aplikasi Talian Kasih 15999.

Turut hadir dalam majlis ialah YAB Tuan Mohd Shukri bin Ramli, Menteri Besar Negeri Perlis, YB Tuan Megat Hashirat bin Hassan, Exco Kebajikan dan Pengurusan Bencana Kerajaan Negeri Perlis, YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YBhg. Datuk Che Murad Sayang bin Ramjan, Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat, pegawai-pegawai kanan KPWKM, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Agensi berkaitan.

####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
28 OKTOBER 2024**